

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELAKSANAAN PENGHAYATAN HADIS 40 IMAM NAWAWI  
DI SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM  
MARTABATKAN SYIAR ISLAM**

Bermula Sesi Persekolahan 2024/2025, aktiviti penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi akan diperluaskan di semua institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuk di sekolah, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kolej Vokasional dan Kolej Matrikulasi.

Inisiatif yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim ini melibatkan guru, murid dan seluruh warga institusi pendidikan KPM yang beragama Islam. Setakat ini, ia telah dilaksanakan di 61 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 185 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Menengah dan 43 SABK Rendah melibatkan seramai 12,673 orang guru dan 120,489 orang murid menerusi pelbagai aktiviti yang dirancang.

Inisiatif Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi juga tersenarai dalam Pembangunan Pelan Strategik KPM Bagi Tempoh 2024-2030.

Inisiatif ini adalah cerminan komitmen besar KPM untuk memartabatkan syiar Islam dan dalam masa yang sama melahirkan modal insan yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhhlak mulia.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
5 APRIL 2024**